


Edisi Pengenalan

Jamadalakhir 1423/01

Tinta SISWA



Isi Kandungan

Dari meja Ketua Editor - Ulasan Ketua Exco Malaysia Book Of Records - Isu Mahasiswa FEM 2002/ 2003 - Fikrah Mahasiswa English Section - Arabic Section MPP KUIM - Inspirasi Siswa Tazkirah - Resepi & Petua Sidang Redaksi Relax Sekejap

PANAS ! PANAS!
- The Malaysia Book Of Records
- Silat Gondol Gangsa
- Isu Mahasiswa

جامعة العلوم الإسلامية بماليزيا

Perutusan YDP MPP KUIM

Alhamdulillah.....bersyukur kehadiran Ilahi kerana dengan taufik dan hidayahnya kita dipertemukan di dalam ruangan bulletin ini. Setinggi-tinggi kesyukuran juga dipanjatkan kepada-Nya kerana masih mengurniakan kita nikmat iman

dan Islam untuk meneruskan kehidupan sebagai seorang yang bergelar mahasiswa/i universiti.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak di dalam menghasilkan buletin ini serta mengizinkan saya untuk mengisi ruangan bagi edisi pengenalan ini. Berkat kesungguhan semua pihak, akhirnya buletin ini dapat diterbitkan untuk santapan semua.



*Belamat Menyambut
Bulan Ramadhan Al-Mubarak*
Daripada mahasiswa
Kolej Universiti Islam Malaysia

Sidang Pengarang TINTA SISWA 02



Belakang dari kiri : Zawani, Fatimahzuriati, Roriziah, Rizal, Shahril, Hadzrul, Hazrina, Khairini.
Duduk dari kiri : Najib, Makhtoz

Dengan kesempatan yang diberikan ini, saya selaku Yang Di Pertua Majlis Perwakilan Pelajar Kolej Universiti Islam Malaysia sesi 2001/2002 dan mewakili semua exco MPPKUIM mengucapkan ahlau wa sahlau war-marhaban bi kum kepada semua mahasiswa/i sesi 2002/2003. Impian untuk menjejakkan kaki ke menara gading merupakan matlamat setiap pelajar setelah bertungkus lumus dalam menghadapi peperiksaan sama ada SPM/STPM, STAM atau diploma, kejayaan ini merupakan satu kegembiraan yang tidak terhingga dan semoga kejayaan itu tidak terhenti malah diteruskan lagi dengan kejayaan yang cemerlang di Kolej Universiti Islam Malaysia.

Setiap kejayaan yang dikecapi janganlah kita lupa kepada ayah dan

Dari Meja Ketua Editor

Bismillahirrahmanirrahim...

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi atas segala rahmat serta kesejahteraan yang telah diberikan oleh-Nya. Hasil kerjasama mahasiswa/i KUIM, akhirnya Buletin Tinta Siswa berjaya menemui pembaca. Dalam kesempatan yang terluang ini, ingin saya mengambil peluang ini untuk mengajak rakan-rakan berfikir sejenak cuba menghayati satu persoalan yang sewajarnya berputar di dalam benak pemikiran setiap mahasiswa. Apakah tujuan utama kita datang ke menara gading? Apakah tanggungjawab kita terhadap ibubapa, masyarakat dan negara? Oleh itu, saya menyeru agar rakan-rakan kembali menyusun matlamat untuk cemerlang dalam pengajian masing-masing. Biarlah kita berdoa agar seluruh mahasiswa KUIM akan bangkit sebagai mahasiswa yang berwawasan, aktif dan cemerlang dari segala aspek meliputi akademik dan sahsiah.

Roriziah Abdul Rahman

Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) 2002/03

Bagi mencapai matlamat yang direncanakan serta untuk meluaskan skop pengajiannya, Kolej Universiti Islam Malaysia telah menubuhkan Fakulti Ekonomi dan Muamalat pada sesi 2002/2003 dan mula mengambil sekumpulan pelajar sulungnya bagi satu program baru iaitu Program Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat

Dengan Kepujian pada bulan Mei 2002. Adalah diharapkan, fakulti ini menjadi satu wadah untuk menghasilkan graduan yang berpengetahuan, mahir dan professional dalam pentadbiran muamalat. Disamping itu, fakulti ini juga diharapkan akan dapat mengembangkan lagi syiar

.....lihat halaman 6

Ulasan Ketua Exco Perhubungan Dan Penerangan

Bismillahirrahmanirrahim...

Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W yang telah memberi rahmat ke seluruh alam. Salam mesra diucapkan buat mahasiswa/i yang dikasihi semua. Pertamanya marilah kita merafa'kan kesyukuran kita kepada Allah kerana limpah dan kurnia-Nya kita masih lagi dimurahkan rezeki khususnya pada adik-adik yang berjaya menjejakkan kaki ke kampus Kolej Universiti Islam Malaysia ini. Sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada adik-adik sekalian.

Di sini, saya mengambil kesempatan mengajak sidang pembaca menelitidan merenung semula tanggungjawab kita sebagai seorang khalifah Allah di muka bumi ini. Sudah tentulah kalau kita fikirkan secara mendalam, tanggungjawab tersebut terlalu banyak dan berat untuk kita laksanakan. Dengan perbagai ujian dan cabaran yang kita tempuhi, tentulah untuk menunjukkan bahawa kesabaran yang sedia ada dalam diri kita ini benar-benar mencapai tahap seseorang yang berjaya. Tanggungjawab sebagai anak, sebagai ahli masyarakat, sebagai seorang pendidik, sebagai mahasiswa, sebagai

sahabat dan sebagainya sudah pasti, tidak terhitung tanggungjawab yang perlu kita pikul. Sebagai mahasiswa kita bertanggungjawab pada rakyat Malaysia yang secara tidak langsung membiayai kita di sini melalui bayaran biasiswa dan pinjaman. Mereka amat mengharap sumbangan kita kepada agama bangsa dan negara.

Sebenarnya untuk melaksanakan segala tanggungjawab kita bukanlah suatu perkara yang mudah. Kesabaran, ketabahan dan kegigihan yang tinggi amat dipertukan. Sekiranya kita gagal melaksanakan segala tanggungjawab kita secara berhikmah dan hanya mementingkan diri kita sendiri maka wujudlah suatu sikap yang disebut 'individualisme' dalam diri kita. Sikap ini tidak sepatutnya berada dalam diri kita sebagai seorang terpelajar. Janganlah kita terlalu mementingkan pelajaran sehingga mengabaikan tanggungjawab kita kepada Allah S.W.T, keluarga, sahabat handai kita serta apa yang berada disekeliling kita. Sekiranya sahabat kita melakukan sesuatu yang merugikan dirinya sendiri, maka tegurlah ia secara berhikmah dan menurut tuntutan agama.

Oleh itu marilah kita renung semula segala tanggungjawab kita, sama ada yang telah, sedang dan yang akan dihadapi. Adakah dalam menjayakan apa yang diidamkan dalam hidup kita, kita mengabaikan segala tanggungjawab kita yang lain? Ingatlah sesungguhnya kita ini tidak kekal dan pasti menemui Yang Maha Esa. Dunia ini hanyalah sementara sebelum kita pergi ke tempat yang kekal.

Diharapkan dengan kedatangan mahasiswa yang baru ini, kita dapat membuka lembaran yang lebih luas untuk melahirkan mahasiswa/i yang berfikiran kritis dan berfikir dengan matang.

Tulisan Khat Terpanjang

Tahniah diucapkan kepada semua warga pengerak PROJEK GEMA WARISAN TULISAN KHAT TERPANJANG di Malaysia kerana berjaya menemupa sejarah dengan menghasilkan penulisan surah yassin dalam bentuk khat thulus

Usaha yang diambil oleh mahasiswa/i KUIM ini salah satu cara untuk meningkatkan penggunaan tulisan jawi di kalangan masyarakat dan bukan sekadar menjadi hiasan semata-mata.

Pencapaian ini secara tidak langsung berjaya memperkenalkan dan menempatkan KUIM sebagai sebuah institusi pendidikan di negara ini yang mendidik pelajar mendalami ilmu agama malah berupaya untuk menjadi pemangkin budaya ilmu di masa hadapan sesuai dengan slogan mereka 'Menggarap Seni Membudayakan Warisan'.

Sebagai yang kita tahu aktiviti ini merupakan aktiviti yang julung kali dianjurkan oleh Jawatankuasa Kebajikan Siswa/i Asrama (JAKSA) 2001/2002 bagi menyahut seruan negara melalui slogan Malaysia Boleh. Perasmian ini telah dirasmikan oleh Y.Bhg. Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Noor selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti.

Pencapaian ini secara tidak langsung berjaya memperkenalkan dan menempatkan KUIM sebagai sebuah institusi pendidikan di negara ini yang mendidik pelajar mendalami ilmu agama malah berupaya untuk menjadi pemangkin budaya ilmu di masa hadapan sesuai dengan slogan mereka 'Menggarap Seni Membudayakan Warisan'.

Ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat menjayakan pembentangan surah YAASIN ini juga kepada mereka yang banyak membantu Urusetia Gema Warisan.

Semoga kejayaan ini akan menyetuskan lagi potensi kecemerlangan para mahasiswi dalam menghasilkan aktiviti pada masa akan datang. Insyallah.



.....dari halaman 1

Perutusan YDP MPP KUIM

bonda dikampung yang sanggup berkorban semata-mata untuk melihat kesenangan dan kejayaan kita dalam pelajaran. Kerana itu, peranan kita sebagai anak sangat besar bagi memastikan impian ayah dan bonda kita tercapai.

Dalam masa yang sama perlu diingat, apabila kita menjejak kaki ke menara gading, kita mempunyai peranan dan tanggungjawab yang dipikul. Kehidupan tidaklah seindah pandangan mata. Terdapat seribu satu cabaran yang sentiasa menanti kita untuk menguji setakat manakah kemampuan menghadapinya, doa dan tawakal kepada Allah adalah jalan yang terbaik.

Ada di antara kita yang tewas di

tengah jalan kerana mengikut kehendak nafsu semata-mata sehingga sanggup mengorbankan pelajaran. Apa yang pasti, perbetulkan niat kita terlebih dahulu. Adakah tujuan kita disini. Adakah untuk menuntut ilmu atau mendapatkan perkara sam-pingan?.

Akhir kata, saya menyeru kepada semua siswa siswi KUIM supaya menggunakan peluang yang ada dengan sebaik mungkin dan kembali memperbetulkan niat dan matlamat kita untuk cemerlang dalam bidang masing-masing bak kata pepatah "tidak ada sebuah kejayaan tanpa dimulai dengan kesungguhan dan pengorbanan yang jitu". Semoga apa yang kita lakukan selama ini diredhai oleh Allah, insyaAllah.

Sabda Bimbingan

Rasulullah S.A.W. bersabda yang bermaksud :

"Apabila diqamatkan solat maka janganlah kamu berdiri sebelum kamu melihat (imam)".

(Shahih Bukhari & Muslim)



Berajakan Nafsu

Sistemkekeluargaan masyarakat kita semakin goyah, semakin gagal berfungsi. Akibat terlalu terpana dengan keinginan nafsu duniawi, adat dan agama ditinggalkan. Rumah dan keluarga merupakan tempat perlindungan paling selamat. Tapi kini tidak lagi, malahan rumah sendiri menjadi tempat yang paling menggerunkan dan menakutkan. Ibu bapa sebagai pelindung menjadi pemusnah hidup anak-anak. Bapa sebagai tanggung ketua merosakkan keluarga sendiri.

Sumbang mahram bukan baru di wawarkan. Isu ini pernah timbul beberapa tahun yang lalu. Apabila mula terdedah cerita tentang seorang anak telah di rogol oleh ayah sendiri. Pulu ! Sedih ! Benci dan geram menguasai sesiapa yang membacanya. Umpama 'haruan makan anak'. Tidak pernah terduga manusia yang mempunyai akal dan pemikiran, yang dikatakan makhluk Allah yang paling cerdik tergamak melakukan perkara terkutuk dan keji ini. Apalah salah anak yang masih suci sehingga dijadikan tempat melepias nafsu serakah.

"Sesungguhnya Nafsu itu sangat menyuruh manusia membuat kejahatan." (Yusuf:53)

Anak dari benih sendiri dibuat seperti isteri. Apakah sudah hilang kewarasan fikiran? Bukan penyesalan yang wujud setelah meratah anak sendiri, malahan ia terus diulagi sehingga bertahun-tahun lamanya. Ugutan dan gertakkan menakutkan mangsa untuk memberitahu orang lain.

Inilah akibat membiarkan nafsu menguasai diri. Iman bertempiran lari. Hati menjadi gelap dengan nafsu serakah. Halal dan haram ditolak ke tepi. Anak-anak yang patut dicorak dengan ilmu dan agama diajar dengan dosa dan derita. Berbaloiakah nikmat yang seketika dibayar dengan kemusnahan dan rasa malu sepan-

jang hidup?

Sedarlah anak merupakan tanggungjawab dan amanah dari Allah kepada setiap ibu bapa. Anak-anaklah juga yang bakal membantu ibu bapa di akhirat kelak. Ingatlah para muslimin dan muslimatsekalian, setiap amanah yang dipertanggungjawabkan ke atas kita akan dipersoalkan di akhirat kelak.

Apakah jawapan yang mampu diberi sekiranya kita mengabaikan amanah ini? Fikirkan sebelum dunia ini kita tinggalkan!

"Muliakanlah anak-anak kamu dengan mengajarkan mereka adab dan ilmu agama. Barang siapa yang me-muliakan anak-anaknya, Allah akan memuliakannya di syurga."

Selamat Berjuang

Malam siang berlalu
Gerhana kesayuan
Tiada berkesudahan
Detik masa berlalu
Tiada berhenti oh syahdunya
Sejenak ku terkenang
Hakikat perjuangan
Penuh onak dan cabaran
Bersama teman-teman
Harungi kehidupan oh... syahdunya
Berat rasanya di dalam jiwa
Untuk melangkah meninggalkan
semua
Kasih dan cinta yang terbina
Ia akan selamanya
Selamat berjuang sahabatku
Semoga Allah berkatimu
Kenagan indah bersamamu
Takkan ku biarkan ia berlalu
Berjuanglah hingga ke akhirnya
Dan ingatlah semua ikrar kita
Hati ini sayu mengenangkan
Sengsara di dalam perjuangan
Jiwa ku merana dan meronta
mengharapkan
Kedamaian dan jua ketenangan
Tetapi ku akur pada hakikat
Suka dan duka dalam perjuangan
Perlu ketabahan dan kekuatan
Keteguhanhati berlandaskan iman.

Pandangan Negatif Barat Terhadap Islam

Islam datang menjelma dalam kehidupan manusia di saat dunia diselubungi dengan kejahilan. Obor keimanan menyatukan umat untuk menegakkan kebenaran. Di saat Islam mula bersinar dengan cahayanya yang terang benderang, lalu muncullah yahudi dan sekutunya untuk memusnahkan umat Islam dengan berbagai cara dan strategi. Mereka menjadikan arena peperangan, pembunuhan, penyeksaan, kezaliman dan keganasan sebagai agenda menghancurkan umat Islam.

Selagi umat Islam tidak tunduk dengan idealogi ciptaan mereka, selagi itulah mereka akan terus memerangi kita. Keruntuhan instiusi

rumahtangga, seks bebas di antara program yang giat mereka lancarkan untuk menjatuhkan umat Islam. Mereka sentiasa menaruh dendam kesumat yang membara di dalam lubuk hati yang kotor itu. Bahkan Allah telah memberi peringatan dalam Firman Allah Taala :

'Mereka sekali-kali tidak berhenti memerangi kamu sehingga kamu berpaling dari agamamu'

Hiasilah diri dan peribadi dengan berpegang tali agama Allah, waspadalah terhadap segala musuh Allah. Semoga dengan cara demikian Islam akan tetap bersinar di bumi ini, InsyaAllah.

Manusia Hamba dan Khalifah

*Kita manusia hamba dan khalifah
Sebagai hamba kenalah beribadat
Sebagai khalifah kenalah mengatur, menyusun, mendidik
Membangun dan berkemajuan
Dibangunkan itu semua untuk keperluan insan
Politiknya, ekonominya pendidikannya, kebudayaannya,
Masyarakatnya, perhubungannya tugasnya...
Syariat jadikan panduan di semua aspek kehidupan
Apabila manusia berjalan seimbang keahmnaannya
Dan khalifahnyanya
Dunia ini syurga sebelum syurga
Manusia berakhlak mulai bersama tamadun
Laksana satu kelurga bersama pembangunan
Bekerjalah bersama kemajuan
Berukhuwah, bersatu dan harmoni
Tidak ada ketakutan, tidak ada kebimbangan
Keadilan merata
Kasih sayang jadi budaya
Pemimpin payung, ulama obor, pemuda-pemudi tenaga
Orang tua doanya, kanak-kanak cahaya mata*

Jaga Pergaulan Elak Terbabas

Islam memberikan panduan terbaik tentang pergaulan antara lelaki dan wanita bagi mengelakkan interaksi yang mengarah kepada hubungan bersifat seksual.

- 1) Islam memerintahkan kita menundukkan pandangan sebagaimana firman Allah s.w.t

"Katakanlah kepada lelaki mukmin, hendaklah mereka menahan pandangannya dan memelihara kemaluannya. Sikap sedemikian adalah lebih suci bagi mereka. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui atas apa mereka perbuat. Katakanlah kepada wanita Mukmin, hendaklah mereka menahan pandangannya dan memelihara kemaluannya."

(An-Nur: 30-31)

- 2) Islam telah memerintahkan kaum wanita mengenakan pakaian yang sempurna menutup aurat.
- 3) Islam melarang seseorang wanita melakukan perjalanan dari sesuatu tempat ke tempat yang lain selama sehari semalam tanpa mahramnya.
- 4) Islam melarang lelaki dan wanita berdua-duaan kecuali wanita itu disertai mahramnya.

The Miracle of Design in the Cell

In every part of our body there reigns a tiny yet complex life. An examination under the microscope into the depths of any human organ brings us face to face with an astounding miracle of creation: millions of tiny living things that have come together to make up that organ are engaged in arduous activity. These tiny beings are cells, the basic units of life. Not only man but also all other living things are composed of these microscopic living beings.

There are about 100 trillion cells in the human body. Some of these cells are also tiny that even 1 million of them together hardly cover a space as large as the pointed end of a pin. Despite this, however, the cell is by far the most complex structure mankind has ever encountered, as is also agreed by the scientific community. Containing many secrets hitherto undiscovered, the cell of a living thing also constitutes the greatest impasse for the theory of evolution. That is because the cells one of the most striking pieces of evidence that human beings and all other living beings and all other living beings are not the products of coincidences, but are created by a Creator.

In order for the cell to survive, all the basic components of the cell, each performing many vital functions, have to be intact. If the cell came into existence by evolution, then millions of its components had to simultaneously exist in the same place and they had to come together in a particular order and plan. Since this is utterly implausible, such a structure has no explanation other than "creation." One of the leading evolutionists, Alexander Oparin, expressed the deadlock the theory of evolution encountered in this way:

"Unfortunately, the origin of the cell remains a question which is actually the darkest point of the complete evolution theory." (Alexander I. Oparin, Origin of Life, (1936) New York: Dover Publications, 1953 (Reprint), p. 196)

Despite this however, evolutionists still claim that life came into existence by chance under the conditions of the primordial earth, which was the most uncontrolled environment possible. This is the claim entirely incompatible with scientific data. In addition, even the simplest probability calculations verify in mathematical terms that not even one single protein out of millions existing in the cell could have come into being by coincidence, let alone a single cell of an organism.

Merokok

Amat berat rasanya untuk menulis isu merokok ini. Kerana ia bukannya suatu isu yang baru. Malah bolehlah dianggap sebagai isu yang sudah lapuk. Namun, isu ini nampak 'tak lapuk dek panas dan tak lekang dek hujan'. Tetapi atas permintaan dan hasil perbincangan sidang pengarang bulletin ini, mengamanahkan agar dipaparkan isu ini.

Tetapi kali ini, apa yang dipaparkan bukan kesan buruk dari amalan ini. Dan itu hak individu masing-masing malah kita semua sudah berada di alam universiti dan pasti boleh membezakan antara yang baik dan yang buruk akan amalan merokok ini. Cuma di sini, sedikit teguran berkaitan amalan ini ialah cara atau 'adab' merokok. Kedengaran suara-suara dari kalangan siswi yang menyatakan ada di antara siswa yang merokok di khalayak awam. Ini akan menghilangkan identiti sejati sebagai mahasiswa Islam. Bukanlah penulisan ini tujuannya hendak melarang atau mengalakkan siswa untuk terus merokok. Tetapi biarlah kena dan sesuai pada tempatnya. Misalnya di tempat yang tertutup atau jauh dari pandangan masyarakat sekitar.

Lebih ditekan lagi disini ialah tentang akhlak kita sebagai mahasiswa Islam yang akan memimpin negara pada masa akan datang. Kita sebagai pemegang amanah agama, keluarga, bangsa dan negara, haruslah menunjukkan contoh teladan yang baik agar nanti dihormati dan dipandang tinggi. Fikirkanlah sejenak akan implikasi amalan ini. Jangan kita menyesal di kemudian hari diatas tindakan kita pada hari ini.

Akhir kalam, andai ada di antara pihak yang ter-guris perasaannya kerana tulisan ini, jutaan kema-afan dipinta. Ianya adalah sebagai tazkirah dan peringatan kepada kita semua. Sememangnya insan itu 'nasiya', jadi ianya sekadar peringatan antara satu sama lain.

Mahasiswa sepatutnya tidak terikut-ikut dengan budaya santai dengan berpakaian mendedahkan aurat yang sering dipromosikan oleh sesetengah pihak. (karikatur hiasan)



Seluar Pendek

Isu ini tidak kurang panasnya juga. Walaupun kita semua produk keluaran dari keluaran sekolah agama, namun latar belakang didikan dan cara hidup masing-masing amat berbeza. Cara hidup seseorang itu boleh di pengaruhi oleh keadaan sekelilingnya. Jadi untuk isu ini ia adalah berkaitan dengan budaya pemakaian seluar pendek. Ianya salah-salah dan dipandang serong bukan kerana ianya diperbuat dari bahan yang haram. Tetapi ianya melanggar hukum syarak kerana mendedahkan aurat si pemakai.

Kontroversi ini sudah lama diutarakan dan ia lebih panas ketika berlangsungnya acara sukan. Alhamdulillah setakat ini ianya dapat di tangani dengan kerjasama daripada siswa/i. Di harapkan pada acara sukan yang bakal dilangsungkan pada masa akan datang isu ini tidak lagi diperkatakan. Biarlah kita menghidupkan riadah itu

dengan cara yang lebih Islamik sebagaimana yang telah ditetapkan oleh syarak.

Sejak kemasukkan siswa baru sesi 2002/2003 nampaknya ada di kalangan siswa freshie yang memakai seluar pendek ketika keluar makan malam. Mungkin ada di antara siswa tersebut sudah terlalu membudayakan memakai seluar pendek sebelum mendaftarkan diri di KUIM. Diharapkan kepada sesiapa yang terasa melakukannya agar dapat menghentikannya. Larangan ini bukanlah datang dari pihak KUIM, tetapi ingatlah syarak telah menetapkan bahawa

aurat lelaki itu dari pusat hingga ke lutut. Jadi janganlah terlalu bangga untuk menayang lutut dan bulu kaki kalian. Bukanlah lebih manis andainya berseluar panjang nampak lebih sopan sebagai mahasiswa Islam. Ingatlah, walaupun anda berada di kota metro-politan ini tidak bermakna anda dapat melakukan apa sahaja sebagaimana budaya orang-orang KL ini. Sebaliknya biarlah mereka yang akan meneladani kita sebagai mahasiswa Islam.

The Miracle of Design in the Cell

The cell membrane is an ambient cover for the cell, yet its duty is not limited to it. This membrane both regulates communications and relations with neighbouring cell and deftly coordinates and supervises the entries and exits to the cell. The membrane is so thin, at just one hundred thousandth of a millimeter, that one can detect it only under an electron microscope. The membrane resembles a double sided endless wall. On this wall, there are doors making entry to and exit from the cell possible and receptors allowing the membrane to recognize the extracellular environment. These doors

and receptors are made of protein molecules. They are located on the cell wall and meticulously check all the entries and exits to the cell.

The primary duty of the cell membrane is to enclose the cellular organelles so as to keep them intact. However, it has a far more complex function than this. It supplies the

substance vital for the continuity of the cell and its functions from the extracellular environment. Outside the cell, there are countless chemical substances. The cell membrane recognizes the substances essential for the cell and only let them in. It acts very economically and never allows in more than what the cell needs. Meanwhile, it detects harmful wastes in the cell right away and without losing any time, discharges them from the cell.

It is God who has created seven heavens, and earth as many. His commandment descends through them, so that you may learn that God has power over all things and that God encompasses all things with His knowledges.

Surat at-Talaq : 12th

It is obvious that such wise patterns of behaviour and a conscious decision-making mechanism could not have been caused by the cell membrane itself, which is a layer made up of fat and protein molecules. This also holds true for all other cellular organelles. These organelles do not even have a nervous system, let alone a brain to think and make decisions with. Despite this, however, they accomplish incredibly complex tasks, make precise calculations and take vital decisions. That is because each one of them obeys the orders of God, Who created them flawlessly and sustains them. In the 12th verse of Surat at-Talaq, the fact that everything acts in compliance with the command of God is stated:

It is God who has created seven heavens, and earth as many. His commandment descends through them, so that you may learn that God has power over all things and that God encompasses all things with His knowledges.

Bimbingan Wahyu

Maksud Firman Allah SWT :

“Dan janganlah kamu mendekati perkara-perkara yang boleh membawa ke arah perbuatan zina; sesungguhnya zina itu adalah sesuatu perbuatan keji dan suatu jalan yang busuk”

(Surah al-Isra' : 32)

....dari halaman 2

Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) 2002/03

Islam dengan membuka ruang kepada para penyelidik untuk mengkaji, menyelidik dan menyebarkan pengetahuan berkaitan dengan ekonomi Islam dan Muamalat.



Bidang pentadbiran Muamalat adalah merupakan salah satu bidang yang dituntut dalam agama Islam sejak zaman Rasulullah lagi. Di samping memberi panduan kepada umat Islam tentang perhubungan mereka sesama manusia, bidang muamalat juga berperanan untuk menyusun dan mengatur struktur serta perjalanan pentadbiran dan pengurusan manusia.

Kemajuan sesebuah masyarakat bukan diukur kepada tahap keimanannya sahaja tetapi juga terhadap usahanya di dunia. Masyarakat Islam moden dan progresif hari ini bukan hanya perlu berpengetahuan tinggi dari segi tauhid dan syariah sahaja malah mempunyai ilmu muamalat demi untuk kesejahteraannya di dunia dan juga di akhirat.

Semaikan Cinta Kerana Allah

Antara tujuh golongan yang akan mendapat perlindungan di bawah arasy ialah dua orang yang berkasih sayang kerana Allah. Mereka bertemu kerana Allah berpisah jua kerana Allah. Demikian sabda Rasulullah s.a.w. Perasaan cinta dan sayang suci kerana perasaan itu memang dikurniakan oleh Allah kepada hamba-Nya. Cinta ini tidak terbatas kepada sesiapa, ibubapa kepada anak, guru kepada anak murid, begitu juga lelaki dan perempuan.

Tetapi sayang, perasaan yang suci itu disalahgunakan oleh manusia lalu berlakulah perbuatan maksiat, memuaskan nafsu yang dilarang oleh Allah. Orang yang bercinta kerana Allah, dia akan dapat mengawal dirinya daripada yang benar melakukan perbuatan maksiat. Orang yang bercinta kerana Allah akan menjalinkan perhubungan persahabatanannya untuk kebaikan di dunia dan akhirat. Taraf cinta sebeginilah yang diredhai Allah dan akan mendapat ganjaran pahala di akhirat.

Selain itu, bercinta atas dasar kekayaan yang dimiliki oleh seseorang itu tidak akan bertahan lama kerana cinta itu lebih menjurus kepada keuntungan peribadi. Lumrahnya setiap kekayaan yang Allah anugerahkan itu tidak akan bertahan lama. Begitu juga halnya seseorang yang mencintai isterinya kerana mengikut perintah Allah. Begitu juga isteri yang mencintai suaminya kerana perintah Allah. Mereka saling mencintai kerana terdapat hukum mengenainya. Maka dua golongan begini turut termasuk dalam mencintai kerana Allah. Hubungan cinta yang wujud antara guru dan murid boleh dikaitkan dengan cinta kerana Allah. Guru cintakan muridnya kerana tuntutan Allah agar mengasihani anak muridnya dalam menyampaikan ilmu.

Anak murid pula mencintai gurunya kerana perintah Allah agar mentaati gurunya. Apatah lagi kalau anak murid mencintai gurunya kerana kebaikan dan jasa yang disumbangkan oleh gurunya itu. Maka ilmu yang disumbangkan sudah pasti ilmunya kerana Allah dan diredhai oleh Allah. Guru yang menyayangi anak muridnya sehingga sanggup mendidik mereka dengan penuh kasih sayang sudah pasti mendapat redha Allah.

Begitu juga halnya orang yang dikurniakan rezeki lebih, lalu digunakan untuk bersedekah dan membantu orang yang kurang bernasib baik. Atas perasaan kasih sayangnya yang tulus itu telah mendorongnya mengorbankan sebahagian kekayaannya yang dimiliki untuk mendapat keredhaan Allah. Dengan cara begini, dia bukan sahaja mengeratkan hubungan dengan sesama manusia tetapi juga dapat mendekatkan diri kepada Allah.

Oleh sebab itu sebaiknya manusia disisi Allah ialah mereka yang menggunakan segala nikmat yang dikurniakan itu untuk kebaikan diri dan untuk orang lain. Jika kelebihan ilmu yang dimiliki, maka ilmu itulah digunakan untuk mendidik diri dan masyarakatnya. Pendek kata semua yang dimiliki dimanfaatkan oleh manusia lain, dikira sebagai cinta kepada manusia kerana Allah.

Semoga cinta umat Islam pada akhir zaman ini menjurus kepada cinta kerana Allah. Biar dimana pun mereka berada, jika mereka takut untuk melakukan dosa dan maksiat, disitulah nilai cinta kerana Allah.

Satu Perjuangan

Syukur pada
yang maha Esa
Rahmat pemberianNya
Persaudaraan, keharmonian
Jalinkan kasih sayang

Hulurkan bantuan kepada
yang memerlukan
Mari kita biar satu ummah
menyayangi
Mulai diri, keluarga,
sahabat, masyarakat dan
negara

Dengan satu perjuangan
Satu arah tujuan
Di bawah Rahmat yang Esa
Kita melangkah seiringan
Satu perjuangan

Antara tujuh golongan yang akan mendapat perlindungan di bawah arasy ialah dua orang yang berkasih sayang kerana Allah. Mereka bertemu kerana Allah, berpisah jua kerana Allah

Rintangan pasti melanda
Jangan undur walau selangkah
Teruskan perjuangan hingga ke akhirnya

Andai kau gugur
Andai kau syahid
Kau di redhaiNya

Bimbingan Wahyu

Adapun orang-orang yang beriman itu, ialah mereka yang apabila disebut nama Allah, terasa kecut hatinya dan apabila dibacakan kepadanya ayat-ayatNya, bertambah kuat imannya, dan mereka bertawakal kepada Tuhannya. Mereka tetap mengerjakan solat dan menafkahkan sebahagian rezeki yang Kami anugerahkan kepada mereka.

(Maksud Al-Anfal : 2-3)

الاتجاه الصحيح توجيه ميسرة العلم في

مؤلف : هارون يحيى

إن بداية المرحلة الأولى للبحث العلمي تعتمد على ظهور الموافقة في بداية الزمن، وهذا الزمن لها علاقة بأساس وجهة نظر العلماء. فمثلا يدعون " ان المادة ليست لها اي نظام علمي بل أنها تقوم بتنظيم ذاتها " فيتمادون برأيهم فيدعون وجود هذا الشيء. ولإثبات هذا الراي يقومون باجراء تجارب علمية تستمر لعدة سنوات ولكون المادة لا تملك مثل هذه الخصائص فإن هذا الجهد تذهب هباءا دون نتيجة. ولكن تظهر للوجود الزمن المهدور والجهد المبذول بدون فائدة. ولكن منذ البداية لو اعتمدوا على هذا الاساس وهو " ان المادة لا تستطيع ان تنظم ذاتها بدون علم أي انها لا يمكن ان تنظم ذاتها بنفسها " لوصلوا الى نتيجة مثمرة وبزمن اقل.

في هذه النقطة لو دققا النظر نلاحظ للايجاد العملي يجب ان يكون هناك مصدر (منبع تثبت تثبيتها صحيحا للبداية ففي حالة تثبيتها خطأ تسبب ضياع الزمن هباءا فالمنبع الذي نبحت عنه هو الوحي المرسل من عند الله، لانه هو الذي خلق الكون والكائنات الحية، ولهذا فإن المعلومات الصحيحة والتي ليست عليها غبار وبدون نقاش التي نريدها في حق الكائنات والكون هي التي جاءت من عند الله، ولهذا السبب فإن الله سبحانه وتعالى عالى قد أعطانا معلومات مهمة في حق

لا يمكن ان اتصور أي عالم غير مؤمن
إيمان عميق " البرت انشتاين "

الطريق الوحيد لمعرفة وكشف حقائق الكون وما فيها من الكائنات الحية وصنعة الخالق هو عن طريق العلم، ولهذا السبب فإن الدين تقوم بتعيين طريق العلم والبحث العلمي لمعرفة والوصول إلى تفاصيل خلق الله.

فالدين كما انه يشوق على البحث العلمي فإنه أيضا يبين الحقائق ومن خلال هذه الحقائق الموجودة اذا قمنا بالابحاث فإننا نصل إلى النتيجة اكيدة وبأكل زمن، لان الدين تبين لنا كيف ان الكون والكائنات الحية خلقت وتجيينا على هذه الاسئلة وانها الأساس الوحيد والأكيد. ولهذا السبب فإن بداية أي بحث علمي اذا كانت صحيحة فالوصول الى النتيجة تكون سريعة وقطعية وبأكل جهد وطاقة وامكانية، ولكن اذا كان العكس (اي لم تعتمد على الاساس الصحيح) فان النتائج تكون غير قطعية وتهدر طاقة وأموال وجهود دون طائل.

وهذه الحقائق التي لم يراها رجال العلم الماجيين في تجاربهم التي اجروها وخاصة في القرنين الاخيرتين، قد ادوا الى ضياع الزمن وهدر طاقة وجهد العلماء دون طائل والى جانب ذلك بذر اموال طائلة بحيث وصلت الى التروليونوات وهذه كله امام الاعين.

وله ذا السبب، هناك حقائق اكيدة يجب على الانسان ان يعرفها ويقف عليها وهي :

Bimbingan Wahyu

"Seseorang di antara umat Islam yang kematian tiga orang anaknya, maka dia tidak akan tersentuh dari api neraka, kecuali hanya sekadar untuk menepati sumpah"

(Riwayat Muslim & Burkhari)



Pustaka Maxisegar, tempat tumpuan pelajar bagi mendapatkan keperluan harian sepanjang waktu kuliah.



Beginilah keadaannya waktu puncak. Bas dan lif jadi penuh sesak dengan pelajar yang bergegas masuk dan keluar dari kuliah. Namun, senyuman masih terukir diwajah masing-masing.



Inilah makmal IT KUIM...boleh juga surf Internet



Klinik Idzham, klinik panel yang disediakan untuk kakitangan dan pelajar KUIM, di buka 24 jam sehari.



Di sinilah pelajar melalui pelbagai proses ketika pendaftaran di foyer Riviera III. (2001/2002)



Aktiviti sampingan, buat amal sedikit. Berjalan dalam kumpulan yang dah diberikan, kutip sampah disekeliling kawasan padang, berdepan dengan Riviera III.




Waktu petang untuk riadah. Macam-macam aktiviti yang dijalankan termasuklah 'treasure hunt'. Sebelum tu, kena dengar taklimat dari pegawai sukan dulu.



Sukan Antara Fakulti (SUFA) yang berjalan sekitar Julai hingga September 2001... Antara acara yang dipertandingkan ialah sepak takraw (hanya untuk ikhwan), bola jaring (hanya untuk akhawat) dan bola tampar (ikhwan dan akhawat).



Selain SUFA, Unit sukan dan rekreasi juga menganjurkan Ekspidisi Aspirasi Alam dan Kecerdasan KUIIM di Pulau Giam, Pangkor pada 20-22 Julai 2001 lalu. Antara acara sewaktu ekspidisi ini ialah berkayak. Baik-baik kak, nanti karam, jadi Titanic pulak...



Salah satu program luar kampus yang dianjurkan untuk KUIIM sebagai pengisian waktu cuti, Seminar Kepimpinan Mahasiswa KUIIM.



"Sesegar, hijau daun. Begitulah kita diibaratkan..." persembahan dari bakat-bakat terpendam pelajar KUIIM. Sambil makan, dengar alunan nasyid buat halwa telinga...



Suasana ceria Malam Amal Perdana Siswa pada 7 Februari 2002 di Restoran Nelayan, Titiwangsa. Makan, jangan tak makan.....



Ha, yang ni pulak waktu jamuan majlis Aidilfitri yang lalu. Jamuan ini berlangsung di Foyer Riviera III.



Forum khas yang mem-bincangkan isu "Cinta dari Perspektif Islam" yang diadakan di foyer Riviera II pada 27 Jan 02. Hmm..ramai yang terkena kut...

Sebagai anak adam sama ada lelaki atau perempuan, kita diwajibkan menutup aurat. Menurut Imam Syafie, seluruh badan wanita itu adalah aurat ketika dalam solat kecuali muka dan tapak tangan. Imam Hanafi juga berpendapat seluruh anggota badan itu adalah aurat kecuali tapak tangan dan tapak kaki.

Terdapat dalil yang mewajibkan setiap wanita menutup aurat. Allah berfirman dalam surah al-Ahzab ayat 59 yang bermaksud :


"Hai Nabi katakanlah kepada isteri-isterimu, anak-anak perempuan dan isteri-isteri orang mukmin; hendaklah mereka mengulurkan jilbabnya ke seluruh tubuh mereka". Yang demikian itu supaya mereka lebih mudah untuk dikenal, kerana itu mereka tidak di-ganggu. Dan Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

Fuqaha' ahli fiqh telah bersepakat, terdapat 3 masalahat iaitu dhururiat, haji'at dan tahsiniat. Di sini saya ingin menekankan dhururiat sahaja. Terdapat 5 elemen penting dalam dhururiat iaitu agama, akal, nyawa, kehormatan dan harta. Melalui agama iaitu syariat yang mewajibkan kita menutup aurat. Dalam syariat ada dua faktor penting iaitu saranan dan hukuman. Saranan iaitu satu perintah atau kewajipan untuk menutup aurat. Ada tiga hukum iaitu wajib, sunat dan harus.

Relevannya kewajipan menutup aurat bagi wanita ialah agama dan kehormatan. Ini kerana dalam agama, jikalau seseorang wanita membuka auratnya ia akan merosakan akhlak lelaki yang melihatnya. Allah berfirman dalam surah Ali-Imran (ayat 14) yang bermaksud :

"Dijadikan indah pada (pandangan) manusia kecintaan kepada apa-apa yang yang

Kewajipan Menutup Aurat Bagi Wanita



Terdapat empat kriteria dalam menutup aurat. Pertama, menutup semua anggota yang haram di buka. kedua, tidak ketat iaitu tidak menampakkan bentuk badan, ketiga, tidak jarang dan keempat warna tidak menarik perhatian

diingini iaitu : wanita-wanita, anak-anak, harta yang banyak dari jenis emas, perak, kuda pilihan, binatang-binatang ternak dan sawah ladang. Itulah kesenangan hidup di dunia dan di sisi Allahlah tempat kembali yang baik (syurga)".

Jikalau setiap wanita tidak menjaga auratnya, ia cenderung tenggelam dalam syahwat kesannya suasana hidup masyarakat tidak harmoni.

Kesan jika kita tidak menutup aurat ialah satu hadith Nabi SAW berkaitan dengan hati iaitu hati kita boleh menjadi hitam dengan melakukan dosa iaitu mendedahkan aurat. Kesan bila hati kita jadi hitam iaitu pertama, hubungan dengan tuhan tidak baik. Apabila seseorang itu solat ia tidak khusyuk dan tidak suka mendengar pendapat atau nasihat orang lain. Kedua, hubungan dengan manusia. Apabila hati kita jadi hitam, kita lebih terdorong untuk melakukan kejahatan. Ringkasnya, syariat telah menyusun garis panduan untuk menutup aurat.

Terdapat empat criteria dalam menutup aurat. Pertama, menutup semua anggota yang haram di buka. Kedua, Tidak ketat iaitu tidak menampakkan bentuk badan. Ketiga, tidak jarang dan keempat warna tidak menarik perhatian.

Kesimpulannya, tuntutan menutup aurat adalah suatu yang berat yang sukar dilaksanakan kecuali dengan keimanan yang ada dalam diri kita.

Satu persoalan, tudung dan jubah; antara fesyen dan tuntutan syarak. Sama-sama kita fikirkan.

Persoalan Tentang Wanita

Apabila agama membolehkan wanita menampakan wajahnya maka apakah hukumnya bersolek, misalnya memakai celak mata, pemerah pipi dan mengecilkan alis mata?

Ulama telah menetapkan bahawa HARAM hukumnya apabila seorang wanita yang memiliki wajah cantik semulajadi memperlihatkan kecantikan wajahnya di depan orang ramai. Ada pula ulama yang berpendapat bahawa apabila wanita tersebut memiliki wajah yang biasa-biasa sahaja dia juga wajib menutup mukanya dari dilihat oleh orang yang bukan mahram. Ada yang membolehkan untuk tidak ditutup tetapi lelakilah yang wajib mengalihkan pandangannya, itupun apabila tidak memakai alat solek penghias wajah.

Rasulullah SAW bersabda, yang bermaksud: "Allah melaknat wanita-wanita yang membuat tatu dan yang diminta ditatukan (supaya jadi menarik), juga wanita-wanita yang mencukur alis mata dan yang diminta dicukurkan alis matanya, juga wanita-wanita yang merenggangkan (mengikis) giginya supaya tampak cantik dan semua wanita yang mengubah ciptaan Allah".

Menurut pandangan penulis, wanita boleh bersolek untuk suaminya sahaja ataupun dengan kebenaran dari suami asalkan jangan membuat tatu dan juga tidak dimaksudkan untuk menggoda pandangan setiap lelaki kerana hal ini haram.

Di dalam sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Imam Tabrani, yang bermaksud: "Telah datang isteri Abi Ishak kepada Aisyah r.a seorang wanita muda yang sangat jelita. Ia bertanya kepada Aisyah r.a: "Adakah seorang wanita boleh menyolek dahinya untuk suaminya?" Aisyah r.a berkata: "Buanglah (bersihkanlah) kekotoran (yang tidak elok) daripada

dirimu." Hadith riwayat Tabrani: Usaha-usaha untuk mencantikkan diri seperti menggunakan ramuan-ramuan untuk mengencangkan kulit wajah atau memancungkan hidung apabila tidak ada mudharatnya dan tidak pula setelah berhasil kembali semula kepada bentuk sebelumnya, ini termasuklah kepada perkara-perkara bagi membaguskan/mencantikkan lagi dari apa yang sedia ada. Tetapi apabila hasil daripada apa yang di dapati, misalnya kulit wajah yang telah menjadi kencang dan hidung telah menjadi mancung lalu dalam beberapa masa ia kembali semula kepada bentuk semulajadinya, maksudnya kecantikan yang diperolehi bersifat sementara sahaja, ini adalah penipuan dan hukumnya tidak boleh, tetapi apabila perkara ini bukan niat penipuan tetapi untuk menyukakan suami, bahkan dengan kebenaran dari suami, perkara ini tidak dilarang. Lain halnya apabila diniatkan untuk menggoda hati orang selain suami sendiri, hukumnya haram.

Bidadari

Ketika hilang segala yang menyala
Kau hadir dengan pelita hati
Simpuhmu melangkah kesopanan
Tiada bicara dapat di lafazkan
Pulangku kau sambut
Dengan senyuman
Pemergianku didoakan kemuliaan
Kau sulam kasih sayang ini
Dengan kemesraan
Walau kesederhanaan yang mampu
ku hulurkan

Kau tabah penuh keredhaan
Limpah syukurmu ku susun rapi
Sungguh dirimu dapat ku hargai
Sebagai bidadari
Kau permaisuri hati
Kau permata suci
Akan ku tatakkan hatimu
Dengan sinar iman
Akan ku hiasi jiwamu
Dengan kewajipan
Tanda mensyukuri anugerah Tuhan
Serta anak yang menjadi
penawar
Dirimu anugerah Tuhan
Amanah buat insan beriman
Rusuk kiriku dicantumkan
Agar dapat kita berganding



GRAPHIC DESIGN ✓
ADVERTISING ✓
PRINTING ✓
stationery
office equipment
computer supplies
general trading

Brotsis Info System

(001291403-A)

No. 8A, Jln 1/4,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan

H/P : 016-3727145
bis_brotsis@hotmail.com

"We 're Ready, Willing & Able"

Nyamuk 'APACHEE' Menyerang KUIM

Anda pasti tertanya-tanya, dari sepsis manakah nyamuk apachee ini dan bagaimana rupa bentuknya. Mungkinkah ada persamaan antara nyamuk ini dengan pesawat tentera apachee? Apa yang pasti, ia punya kelainan dari segi rupa bentuknya yang berbeza dengan nyamuk yang biasa kita lihat.

Bagi pelajar tahun 1 dan 2 sesi 2001/2, mereka pasti cukup mengenali nyamuk ini. Nyamuk ini hidup selesa dalam persekitaran semulajadi kampus kediaman pelajar di Riviera 3 dan suasana berhawa dingin di setiap dewan kuliah dan bilik tutorial sekitar tingkat 12 di menara A.

Sebenarnya, nama nyamuk Apachee ini keluar dari mulut seorang pensyarah yang pada ketika itu KUIM diserang sekumpulan besar tentera

nyamuk. Para pelajar tidak dapat menumpukan sepenuh perhatian terhadap subjek yang diajar apabila nyamuk tersebut tidak henti-henti menyerang untuk mendapatkan bekalan darah segar. Serangan nyamuk Apachee ini bermula awal bulan Februari sehingga hari peperiksaan akhir semestar 2 lalu.

Tindakan telah diambil dan penyemburan telah dijalankan di kawasan kediaman dan kuliah. Buat beberapa ketika, masalah ini terus berlanjutan dan penghuni kampus kediaman masih tidak dapat melepaskan mata. Namun akhirnya sedikit demi sedikit nyamuk tersebut mula berkurangan dan akhirnya pupus. Di harap nyamuk ini benar-benar pupus dari pandangan warga KUIM buat selama-lamanya.

Isu Bas

Isu yang kian menarik perhatian kini ialah perkara yang berkaitan dengan penggunaan perkhidmatan bas. Dua isu telah timbul dan telah sampai ke pengetahuan pihak yang berkaitan serta mengakibatkan masalah lain.

Isu pertama adalah berkaitan perkhidmatan bas itu sendiri. Banyak rungutan dari pelajar berkenaan perkhidmatan bas yang tidak efektif dan tersusun. Ini telah mengakibatkan mereka terpaksa menunggu lama untuk pulang ke kampus kediaman. Hal ini telah diteliti oleh Exco Perhubungan dan Penerangan dengan diketuai oleh saudara Makhfoz Bin Borham. Surat pekeliling telah dihantar dan tindakan awal telah diambil. Hasilnya, rungutan pelajar kian kurang kedengaran. Namun kini, masalah ini

berulang kembali. Bilangan pelajar yang bertambah merumitkan lagi keadaan. Kurang seminggu kuliah bermula, pelajar terpaksa berjalan lebih 1.5 kilometer untuk pulang ke kampus kediaman. Bilangan bas juga kurang dari keperluan yang sepatutnya.

Isu kedua pula adalah berkenaan dengan pelajar sendiri. Masalah kekurangan bilangan bas membuatkan pelajar mula tertekan dengan persaingan sesama sendiri. Hal ini telah berlarutan sejak setahun lalu hingga kini. Pelajar berebut-rebut untuk naik dan mendapatkan tempat di atas bas samada untuk pergi ke kuliah atau pulang ke kampus kediaman. Masalah ini sering berlaku di waktu

.....lihat halaman 15

Sayangi NYAWA Anda

Isu lain yang perlu diambil serius oleh setiap warga KUIM khususnya yang membawa kenderaan sendiri adalah berkenaan keselamatan diri. Dapat dilihat kini terdapat di kalangan pelajar mula mengabaikan ciri-ciri keselamatan dan tidak mematuhi peraturan jalanraya. Mereka suka memandu laju, melanggar arahan lampu isyarat dan tidak memakai talipinggang keledar atau topi keledar ketika memandu khususnya untuk ke tempat kuliah. Kenderaan pula dalam keadaan kurang sempurna seperti plat motorsikal yang tidak dipasang. Sikap begini bukan sahaja membahayakan nyawa sendiri malahan nyawa orang lain.

Ingatlah kepada orang yang tersayang. Kita sebagai pengguna jalanraya mestilah bertimbangrasa dengan pengguna lain. Hak samarata telah diberikan untuk menggunakan jalanraya sebagai satu alat perhubungan, bukan tempat untuk berlumba dan melepaskan geram. Apa yang lebih penting orang lain pun nak hidup juga.

Pihak universiti dan ibubapa telah memberi sepenuh kepercayaan kepada pelajar untuk menggunakan kemudahan sendiri tetapi dengan syarat menggunakannya dengan cara yang betul dan baik.

1. Penduduk asal sesebuah negara.
2. Unit yang menyukat pengaliran kuasa elektrik.
3. Sejenis kenderaan empat roda yang kecil tetapi rosak.
4. Gelaran bagi seseorang Ahli Dewan Negara.
5. Alat yang mempunyai dawai halus bagi tujuan menapis sesuatu.
6. Orang yang dikenali sebagai ketua kampung atau penghulu.
7. Pengkalan untuk kapal singgah.
8. Penghulu segala hari.
9. Benda tidak bernyawa boleh dianggap sahabat sejati.
10. Tempat berteduh daripada panas dan hujan.

p	x	k	o	m	p	u	t	e	r
r	u	m	h	n	e	n	t	w	
i	i	w	n	i	y	a	a	s	
b	d	p	e	n	g	a	w	a	s
u	m	j	o	e	y	y	m	j	
m	t	i	o	v	a	a	u	i	
i	i	o	n	g	k	h	j	p	
r	p	e	l	a	b	u	h	a	n

Resepi : PECAL JAWA

Bahan A (Kuah)

1/2 kg kacang tanah
5 ulas bawang merah
100g ikan bilis
Gula dan garam secukup rasa
20 tangkai cili kering
4 ulas bawang putih
Sedikit asam jawa dan cekur

Bahan B (Ulam)

Pucuk ubi, Taugih, Kacang panjang
Timun, Sengkuang
dan ulam-ulam lain ikut citarasa

Cara membuatnya

Goreng kacang tanah dan cili kering tanpa minyak. Biarkan sejuk kemudian proses kacang tanah kasar-kasar dan cili kering. Bawang merah, bawang putih ikan bilis dan cekur ditumbuk kemudian gaul bersama kacang tanah, cili kering, garam, gula dan asam jawa. Celur pucuk ubi, taugih dan kacang panjang separuh masak. Bancuh bahan A dengan sedikit air masak, jangan terlalu pekat, ikut selera masing-masing. Gaulkan bahan A dan B bersama. Pecal jawa siap untuk dihidang.

CERITERA 1001 'K'

Ketam ketip kuku kakinya, kawan karib Ketam, Kodok, kata kepada Ketam, "Kenapa kau ketip kuku kaki kau, Ketam...kenapa?" Ketam kata, "Kuketip kuku kakiku kerana kuku kakiku kelurut...kakakku kata, kalau kukuku kelurut, kita kena ketiplah!".

Kodok kentut kekeliruan. Kodok kata kekalutan, "Kadang-kadang kakau kukuku kelurut, kuketip kenapa keluar kudis?". Ketam ketawa, "Kah...kah...kak...kih...kih...kih...kuh...kuh...kuh!! Kodok...Kodok...kenapa kadar kebodohan kau ketara keterlaluan?".

Kodok kata kepada Ketam, "Ketam, kenapa kau ketawakanku?". Ketam kilas, "Kelakar". Kelakar ke kurang ajar?", kata Kodok. Kerana kemarahan Kodok keterlaluan, Kodok keperok kepala Ketam kuat kadar kilat. "Kelekuk!", kepala Ketam kehancuran kerana kena keperok Kodok.

Ketam kata, "Kodok...Kodok...kenapa kau keperok kepalaku? Kan kesakitan". Kesian.

Petua

Wajah licin, putih dan gebu

Setiap insan khususnya wanita inginkan wajah yang putih dan licin. Amalkan petua ini, ambilkan sedikit asam jawa dan campurkan sedikit tepung beras. Gaul hingga sehati, pupurkan pada muka selama 15 minit kemudian bilas. Insya-Allah kesannya pasti memuaskan.

Rawat kulit muka berminyak

Rendam beras anggarkan setengah gelas, campurkan daun cermat dan ibu kunyit, ken\mudian kisar halus bahan-bahan tadi. Bersihkan muka terlebih dahulu dan sapukan bahan yang telah dikisar tadi setiap kali sebelum tidur. Amalkan selama seminggu.

Atasi perut buncit

Caranya mudah saja. Ambilkan beberapa biji limau kasturi dan sedikit kapur sireh. Perahkan jus limau dan daul bersama kapur. Sapukan pada perut dan dapatkan hasil yang memuaskan. Amalkan selalu, Insya-Allah.

.....dari halaman 14

Isu Bas

puncak iaitu pada awal pagi dimana ia adalah jam pertama kuliah, waktu tengahari dan petang.

Pelajar berebut-rebut di hadapan ruang universiti adalah sesuatu yang cukup memalukan dan memberi imej yang kurang baik kepada universiti da warganya. Apakah fikiran masyarakat sekeliling apabila melihat sikap pelajar sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam yang diakui bijak dan berfikiran matang? Penulis akui, bukan semua pelajar bersikap demikian, namun benarlah kata peribahasa, kerana nila setitik rosak ssu sebelangga. Penulis dapat memerhatikan sikap tanggungjawab pada sesetengah pelajar yang cuba untuk bertolak ansur dan beratur untuk menaiki bas. Namun bagaimana perubahan ini dapat dilaksanakan terus-meneris jika tidak mendapat kerjasama dari pelajar lain. Manakala dar sebelah pihak yang lain pula menyatakan kebanyakan pelajar sering lewat mengakibatkan kesesakan dan kesibukan. Pihak bas tidak akan bergerak ke tempat kuliah selagi bas tidak mencapai bilangan yang sepatutnya.

Sikap ini sering kali ditegur oleh pensyarah mahupun individu lain, namun masih tiada perubahan. Dimanakah kesadaran diri pelajar sendiri yang sepatutnya menunjukkan sikap tanggungjawab dan bertolak ansur sesama Islam. Bagaiman persepsi masyarakat sekeliling dan apakah contoh terbaik untuk mereka. Di mana peranan kita sebagai pelajar? Segala persoalan ini hanya dapat dijawab oleh diri kita sendiri sebagai seorang pelajar.

Bergurau dalam Pergaulan

Bergurau di dalam agama Islam tidak dilarang, asal bergurau yang haq. Sebaliknya kalau gurauan itu sengaja dimaksudkan untuk membuat orang lain tertawa atau agar ia ditertawakan, sudah tentu hal itu dilarang. Tersebut dalam sebuah hadith Rasulullah saw telah bersabda maksudnya: **“Barangsiapa berbicara dengan sesuatu kalimat sehingga dengan kalimat itu menjadi tertawa sahabat-sahabatnya, nescaya Allah bakal menyiksanya kelak di dalam neraka”**.

Pada zaman Rasulullah saw amalan bergurau ini berlaku dalam pergaulan. Bahkan baginda sendiri pernah bergurau dengan keluarga atau dengan sahabat-sahabatnya. Pernah terjadi menurut hadith yang bersumber dari Hasan ada seorang nenek datang menghadap Rasulullah saw.... di hadapan baginda ia berkata: **“Wahai Rasulullah, doakanlah agar saya dapat masuk syurga”**. Jawab baginda: **“Wahai nenek, ketahuilah bahawa di syurga tidak ada orang tua seperti kamu”**. Sepontan sahaja orang tua itu menangis demi mendengar sabda Rasulullah saw yang demikian itu, kemudian sambil tersenyum baginda bersabda lagi: **“Bukan aku katakan bahawa tidak ada orang tua yang masuk ke syurga, kerana semuanya telah berubah menjadi gadis-gadis perawan”**. Firman Allah swt yang bermaksud: **“Sesungguhnya Kami telah menciptakan isteri-isteri mereka dengan ciptaan istimewa. Serta Kami jadikan mereka sentiasa dara (tidak pernah disentuh)”**. Ketika mendengar jawapan begitu, sepontan orang tua itu tertawa kerana mengerti bahawa dirinya kelak akan kembali menjadi gadis di syurga.

Masalah gurau ini bukan hanya terbatas dilakukan oleh Rasulullah saw sahaja bahkan para sahabat, khalifah dan keluarga Rasulullah saw sendiripun kadang-kadang bergurau. Pada suatu hari Rasulullah saw dan Saudah r.a berada di rumah Aishah r.a. Kebetulan ketika itu Aishah sedang

memasak bubur Harishah. Setelah masak Aishah menghidangkan bubur tersebut kepada Rasulullah saw dan Saudah, tetapi Saudah berkata, **“Maaf, saya tidak suka makanan ini”**. **“Demi Allah, kamu harus makan buburku ini atau ku sapukan ke mukamu”**, jawab Aishah. **“Sungguh saya tidak berselera, bukan menolak hidanganmu”**, kata Saudah. Lalu segera Aishah mengambil sedikit bubur dan menyapukan ke muka Saudah. Begitu pula Saudah, mengambil sedikit bubur dan menyapukan ke muka Aishah. Melihat kejadian itu, Rasulullah saw hanya tersenyum simpul.

Sesungguhnya bergurau disenangi hampir setiap orang, tidak kira ia seorang raja atau ulama, tua atau muda, lelaki atau perempuan bahkan kanak-kanakpun suka kepada gurauan kerana ia adalah bunga dalam pergaulan dan pelipur di kala duka.

Sewaktu Saidina Ali r.a menjawat jawatan Khalifah ada seorang rakyatnya yang datang bertanya kepadanya: **“Wahai Amir al-Mukminin, pada zaman khalifah Abu Bakar dan Umar suasana negara selalu aman. Tidak ada kekacauan dan persepilihan, tetapi sekarang setelah tuan menjadi Khalifah ternyata keadaan negara tidak tenang dan banyak terjadi kekacauan, apakah sebabnya?”**. **“Tentu sahaja, sebab dahulu ketika kedua mereka menjadi Khalifah, rakyat terdiri dari orang-orang seperti saya, maka amanlah negara. Sekarang ini saya menjadi Khalifah, rakyatnya orang-orang seperti engkau, maka rosaklah negara”**. jawab Saidina Ali k.w sambil tersenyum. Di kalangan para sahabat juga ramai di antara mereka yang suka bergurau. Memang bergurau ini sudah terlekat di hati kebanyakan orang.



Tazkirah HATI

Kita suka bila kita dipercayai
 tetapi kenapa kita tidak suka mempercayai orang lain?
 Kita suka bila kita disanjung
 tetapi kenapa kita tidak suka menyanjung orang lain?
 Kita tidak suka dicaci
 tetapi kenapa kita suka orang mencaci orang lain?
 Kita tidak suka dikhianati
 tetapi kenapa kita suka mengkhianati orang lain?
 Kita tidak suka dizalimi
 tetapi kenapa kita suka menzalimi orang lain?
 Kita tidak suka dibenci
 tetapi kenapa kita suka membenci orang lain?
 Kita tidak suka disakiti
 tetapi kenapa kita suka menyakiti orang lain?
 Kita tidak suka dipersalahkan
 tetapi kenapa kita suka menyalahkan orang lain?
 Kita tidak suka dikritik
 tetapi kenapa kita suka mengkritik orang lain?
 Kita tidak suka hak kita dirampas
 tetapi kenapa kita suka merampas hak orang lain?

Kalau kita ingin dihormati - kita juga mesti belajar menghormati orang lain.
 Kalau kita ingin dihargai - kita juga mesti belajar menghargai orang lain.
 Kalau kita ingin difahami - kita juga mesti belajar memahami orang lain.
 Kalau kita ingin dikasihii - kita juga mesti belajar mengasihii orang lain.
 Kalau kita ingin disayangi - kita juga mesti belajar menyayangi orang lain.


Kita suka bila kita dipercayai.....Kita suka bila kita dihargai.....
 Kita suka bila kita dihormati.....Kita suka bila kita dikasihii.....
 Kita suka bila kita difahami.....Kita suka bila kita disayangi.....

Kita juga suka bila kita dipuji.....
 Tetapi.....kenapa kita sering lupa untuk memuji
 Pencipta dan Pentadbir alam semulajadi?
 Kita juga sangat suka bila kita dicintai.....
 Tetapi kenapa kita sering lupa untuk
 mencintai dan mencari cinta Rabbul Izzati ?
 Kenapa kita jadi begini?
 Ketuklah hati, koreksi peribadi.....

4 Jenis Manusia *mengikut* Imam Al-Ghazali

1

1. Seseorang yang mengetahui dan memahami bahawa dirinya mengetahui, itulah orang yang alim, maka ikutilah ia.




2

2. Seseorang yang mengetahui tetapi tidak mengetahui yang dirinya mengetahui, itulah orang yang tidur, maka bangunkanlah ia.



3

3. Seseorang yang tidak mengetahui dan mengetahui dirinya tidak mengetahui, itulah orang yang meminta petunjuk, maka berilah ia petunjuk.



4

4. Seseorang yang tidak mengetahui dan tidak pula mengetahui yang dirinya tidak mengetahui, maka itulah orang yang bodoh.



5 Pengganggu Kebahagiaan

1. Keyakinan bahawa kita akan maju dengan menahan kemajuan orang lain.
2. Menyesali kejadian yang tidak dapat diubah lagi.
3. Kepercayaan bahawa mustahil salah satu pekerjaan akan menjadi jika bukan kita yang mengerjakannya.
4. Memaksa orang lain supaya berfikir dan berbuat seperti kita.
5. Malas menambah pengetahuan serta menajamkan fikiran dengan jalan membaca.

Kekudusan Cinta

*Sepanjang meniti usia di dunia
yang fana ini
Di mana hilangnya pesanan cinta abadi
Sesungguhnya walaupun dikutip
Semua permata lautan
Namun cinta sukar untuk hadir
Namun rindu semakin susah
untuk berbunga*

*Begitu sukarnya mencari
kasihMu ya Allah
Mengapa manusia pada hari ini
Gemar mencari cinta dunia
yang tidak pasti
Sedangkan cinta itu bersalut segunung
kepalsuan dan kepuraan*

*Cinta itu mempunyai pengertian
yang terlalu kudus
Usahlah ia dicemari kesuciannya
Dengan sinaran kepalsuan
Sesungguhnya resepi itu ialah
Hiasan kesetiaan, kejujuran
dan keikhlasan
Rebutlah cinta abadi terhadap
Tuhan Yang Maha Esa
Kerana kita pastinya tidak
akan kecewa*

MOTTO MPP KUIM

BERSATU, AMANAH DAN BERTANGGUNGJAWAB

MAHASISWA PENJANA PERADABAN UMMAH

Yang DiPertua
ZUNUNI BIN MOHD. SAID

Naiib Yang DiPertua
YAHYA BIN YUSOF

Setiausaha Agung
MOHD SANI BIN AHMAD

Speaker
AZMA BINTI MAMAT

Bendahari
MARIANI BINTI GUNSONGENG

Setiausaha II
MOHAMAD ISA BIN AHMAD

SMAIL BIN JAAFAR
Exco Kebajikan Dan Kerohanian

MOHD. MAKHFOZ BIN BORHAM
Exco Biro Perhubungan Dan Penerangan

NOR AIDA BINTI ABD RAHMAN
Exco Biro Latihan Dan Pendidikan

NOORHAZATUL AZURA BINTI ZAINAL
Exco Biro Sukan, Rekreasi Dan Kebudayaan

SURIA BINTI MOHD KARIM
Exco Biro Hal Ehwal Wanita

Kesepaduan ilmu dan amalan yang dicernakan oleh mahasiswa akan menjadi penentu kepada corak peradaban yang diimpikan menjana sebuah tamadun manusia yang maju dari aspek rohani dan jasmani berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah demi agama, bangsa dan negara.



SIDANG PENGARANG TINTA SISWA



AL-AKH MOHD. NAJIB IBRAHIM
Pengarah Projek
(FQS)



AL-AKH MAKHOZ BIN BORHAM
Exco Penerangan & Penerbitan
Majlis Perwakilan Pelajar



AL-UKHT HAZRINA ABD HAMID
Timbalan Pengarah Projek
(FDPI)



AL-AKH MUHAMMAD SHSHRIL MOHD. NOR
Editor
(FDPI)



AL-UKHT RORIZIAH ABD RAHMAN
Ketua Editor



AL-UKHT KHAIRANI ABU
Editor
(FDPI)



AL-UKHT FATIMAHZURIATI KASSIM
Pengarang
(FSK)



AL-UKHT ZAWANI BT. MOHAMAD
Pengarang
(FDPI)



AL-AKH MOHD. RIZAL BIN MANAP
Pengarang
(FQS)



**AL-AKH HADZRUL FADILLAH
MOHD. PERLIN**
Pengarang

Tinta
SISWA